



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMINDAHAN MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG**

**DI LEBUH LIGHT, GEORGETOWN**

Merujuk kepada laporan akhbar The Star bertajuk '*Major repairs are in order*' bertarikh 20 Ogos 2018, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) ingin memaklumkan bahawa Y.A.A. Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum, Ketua Hakim Negara bersama-sama Y.A.A. Tan Sri Zaharah binti Ibrahim, Hakim Besar Malaya telah mengadakan tinjauan ke Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di Lebu Light pada 17 Ogos 2018.

Setelah melihat struktur Bangunan tersebut serta mengambil kira faktor keselamatan dan keselesaan para hakim, pegawai dan kakitangan Mahkamah, peguam serta orang awam yang berurusan di premis Mahkamah tersebut, Y.A.A. Ketua Hakim Negara telah mengarahkan Pentadbiran Mahkamah Negeri Pulau Pinang untuk memindahkan bilik-bilik bicara dan pejabat pentadbiran dalam Bangunan tersebut ke Mahkamah-Mahkamah lain dalam negeri Pulau Pinang.

PKPMP akan membuat hebahan mengenai tatacara pemindahan tersebut kepada semua pihak yang berkenaan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**Tarikh: 21 Ogos 2018**